

01/06/2001

Gergasi minyak Asean boleh diwujudkan

Manja Ismail in Jakarta

PETRONAS yakin kewujudan sebuah gergasi minyak Asean, yang mampu bersaing dengan pemain besar dunia, boleh menjadi kenyataan melalui pakatan strategiknya dengan syarikat minyak Indonesia, Pertamina.

Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Merican, berkata keperluan untuk kedua-dua syarikat minyak nasional membentuk pakatan strategik semakin mendesak dan perlu bagi survival dalam menghadapi globalisasi dan persaingan dengan gergasi industri minyak dan gas dunia.

"Jika kita bersatu hati dan fikiran, Insya-Allah, pembentukan sebuah gergasi minyak Asean pasti boleh dicapai," katanya pada majlis perasmian pejabat Petronas Jakarta oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam. Hadir sama Menteri Tenaga, Galian dan Perlombongan Indonesia, Purnomo Yusgiantoro; Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Presiden Pengarah merangkap Ketua Eksekutif Pertamina, Baihaki Hakim.

Pertamina, selain antara syarikat minyak tertua di Asia, adalah yang terbesar dari segi aset dan simpanan minyak mentah, manakala Petronas diakui dalam industri ini sebagai salah sebuah syarikat minyak yang mempunyai pengurusan terbabit dan disenaraikan dalam Fortune 500.

Sebarang bentuk pakatan strategik oleh dua syarikat ini bukan saja membolehkan mereka muncul sebagai gergasi minyak Asia, malah memberi saingan kepada syarikat antarabangsa seperti Shell, Esso dan BP.

Pejabat Petronas yang terletak di Tingkat 27 Plaza Bapindo, Jalan Jendral Sudirman itu adalah perwakilan ke-14nya di luar negara. Premis itu juga akan menempatkan pusat operasi Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Proton di Indonesia.

Petronas, yang kini mempunyai kepentingan di 26 negara, memulakan kegiatannya di Indonesia pada 1979 melalui penyertaan dalam Projek Area Asean.

PT Asean Acheh Fertilizer di mana Petronas mempunyai 13 peratus saham, kini mengeluarkan 660,000 tan urea dan 470,000 tan ammonia setahun, yang dipasarkan ke Asean dan beberapa negara Asia.

Di bidang hulu, Petronas, melalui beberapa anak syarikatnya, terbabit dalam penerokaan di dua cari gali di kawasan Pasemah, Sumatera dan di blok Ketapang, perairan Jawa.

Petronas juga mempunyai kepentingan dalam Premier Oil Ltd yang terbabit dalam kegiatan hulu di Indonesia dan ketika ini membekalkan gas asli dari Natuna Barat ke Singapura.

Hassan berkata, pengukuhan hubungan Petronas dan Pertamina, terutama sejak dua tahun lalu amat menggalakkan, sehingga memberi keyakinan kepada Petronas memperluaskan kegiatan di republik ini, selaras dengan semangat kerjasama Asean.

Dalam konteks kerjasama Asean juga, Petronas, Pertamina dan PetroVietnam baru saja membentuk pakatan strategik untuk menerokai peluang dalam sektor hiliran di ketiga-tiga negara itu dan juga negara lain.

Di sektor hulu, Petronas terus membekalkan minyak mentah dan produk petroleum kepada Pertamina serta mengkaji kemungkinan melabur dalam projek pembesaran loji penapisan dan perniagaan runcit.

"Bagi sektor gas, kami sudah menyelesaikan urusan pembelian gas dari Natuna Barat yang akan dihantar melalui kemudahan pesisir Duyong ke Semenanjung Malaysia, pada Ogos 2002," katanya.

Melalui perjanjian penjualan gas yang ditandatangani dengan Pertamina

baru-baru ini, Petronas akan membeli sehingga 250 juta kaki padu (standard cubic feet) gas asli sehari, selama 20 tahun dari Natuna Barat.  
(END)